

## Ambil berat semua hal

[Muhamaad Razis Ismail](#)

[razis@mediaprima.com.my](mailto:razis@mediaprima.com.my)



MAMPU bukti kemampuan dalam bidang kejuruteraan.

KEJURUTERAAN sering dikaitkan sebagai bidang yang sinonim dengan lelaki kerana kerjaya ini menuntut kekuatan fizikal, mental dan emosi yang tinggi.

Bagaimanapun, persepsi itu semakin berubah, apabila ramai dalam kalangan wanita mula menjadikan jurutera sebagai kerjaya.

Mereka berjaya membuktikan keupayaan diri sehingga diberi kepercayaan syarikat untuk bersama-sama mengendalikan pelbagai projek besar.

Nurul Shazliana Norhasnan dan Ernawati Farihanis Rashef antara jurutera YTL Construction yang diberi peranan besar untuk terbabit secara langsung dalam Projek Landasan Berkembar Elektrik Gemas-Johor Bahru (PLBEGJB) sepanjang 192 kilometer.

Dua wanita hebat ini melihat peluang yang diberikan sangat bermakna dalam merealisasikan projek yang dapat memberi manfaat kepada segenap lapisan rakyat.

**Nurul Shazliana**

Ibu kepada seorang cahaya mata ini bertugas sebagai jurutera kanan tapak yang menjadi antara tanggungjawabnya memastikan projek berjalan lancar di tapak projek.

Pada usia 31 tahun, wanita berasal dari Tapah, Perak yang menggemari aktiviti lasak ini sudah diberi kepercayaan besar untuk bersama-sama mengendalikan PLBEGJB sejak ia mula dilaksanakan pada 2018.

Katanya, projek ini menguji kemampuannya sebagai jurutera kerana ia berbeza dengan projek bangunan dan kediaman yang biasa dilaksanakan sejak menyertai syarikat berkenaan lapan tahun lalu.

"Antara cabaran yang dihadapi apabila perlu sentiasa berada di tapak projek dan berdepan cuaca panas yang menguji fizikal dan mental sebagai seorang wanita. Selain itu, projek ini membabitkan jarak yang panjang yang menimbulkan banyak masalah tidak disangka.



Nurul Shazliana (kiri) dan Ernawati.

"Bagaimanapun, saya anggap setiap cabaran adalah lumrah yang perlu dihadapi untuk membentuk diri menjadi seorang jurutera yang baik," katanya.

Menurutnya, kelebihan wanita yang terbabit dalam bidang ini adalah mereka sangat teliti dalam melihat sekecil-kecil isu.

"Mungkin perkara seumpama ini kurang diambil perhatian kerana dilihat akan melambatkan perkembangan projek. Namun bagi saya ia tidak boleh diabaikan untuk mengelakkan masalah lebih besar akan timbul.

"Dalam hal ini, saya harus tegas dan pada masa sama perlu mengambil kira aspek tertentu dengan setiap keputusan yang dibuat untuk memastikan projek berjalan lancar," katanya.

Nurul Shazliana berkata, sebagai wanita bekerjaya yang sudah berkeluarga pengurusan masa adalah amat penting.

"Saya selalu pastikan untuk masuk kerja tepat pada masanya supaya kerja dapat berjalan lancar. Oleh itu, perancangan dan persediaan awal adalah penting untuk memudahkan urusan.

"Malah saya bersyukur pasangan sangat memahami tugas sebagai jurutera yang kadangkala memerlukan saya bertugas di luar waktu kerja," katanya.

### **Ernawati Farihanis**

Skop tugas wanita berasal dari Selangor ini sebagai koordinator reka bentuk amat penting kerana dia bertanggungjawab menjadi penyelesaian isu berbangkit di tapak projek.

Sekiranya jurutera seperti Nurul Shazliana berdepan halangan di tapak projek, Ernawati pula antara individu yang perlu dirujuk supaya ia dapat diselesaikan dengan lebih cepat untuk memastikan projek tidak terganggu.



SETIAP keputusan perlu dibuat dengan betul dan pantas.

Ernawati berkata, reka bentuk yang dihasilkan perunding yang dilantik bukanlah 100 peratus boleh dilaksanakan di tapak atas beberapa faktor yang tidak dapat dielakkan.

"Di sini tugas saya bermula, apabila saya dirujuk pihak yang melaksanakan kerja di tapak. Dalam hal ini saya perlu memahami isu teknikal yang berbangkit.

"Kami akan berbincang untuk mendapatkan jalan penyelesaian terbaik di tapak dan kemudian saya akan bincang dengan konsultan projek berkenaan cadangan perubahan itu. Dengan cara ini, proses yang panjang, boleh menjadi lebih pendek dan dapat diselesaikan segera," katanya.

Bagaimanapun, dia menyedari bukan tugas mudah untuk menyelesaikan isu yang timbul di tapak projek kerana membabitkan ramai pemegang taruh.

"Oleh itu, komunikasi dan koordinasi memainkan peranan penting untuk membina kefahaman dalam setiap keputusan yang diambil supaya tidak memberi kesan kepada pihak terbabit," katanya.

Anak sulung daripada dua beradik ini mengakui, di awal pembabitan dalam bidang kejuruteraan, penerimaan daripada rakan sekerja lelaki agak dingin.

"Bidang ini bukan mudah untuk wanita namun kita perlu yakinkan mereka dengan membuktikan kemampuan diri.

"Pada saya, kursus yang disediakan di 'YTL Learning Academy' menjadi platform berkesan bukan sahaja dapat belajar cara berkomunikasi malah membantu membina kemahiran insaniah dan mengeratkan hubungan dengan rakan sekerja," katanya.

**Disiarkan pada: Ogos 10, 2022 @ 7:00am**